

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DALAM KHIDMAT PERPUSTAKAAN:
SATU KAJIAN KES DI PERPUSTAKAAN
NEGERI SABAH (KOTA KINABALU), SABAH.

MUHAMAD YEW BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1995

579901
106625



106625

A B S T R A K

Kajian Pengurusan Teknologi Maklumat dalam khidmat Perpustakaan Negeri Sabah (Kota Kinabalu) berasaskan premis bahawa sesebuah organisasi bertindak mengikut matlamat. Kajian ini difokuskan kepada aspek pengenalan sistem komputerisasi dalam khidmat perpustakaan. Aspek-aspek yang dianalisis ialah maklumbalas klien-klien perpustakaan mengenai keperluan alat-alat teknologi maklumat (TM) dalam khidmat perpustakaan. Kajian juga meliputi pandangan mereka terhadap tindakan perbelanjaan oleh pihak pengurusan. Juga ditinjaukan persepsi mereka terhadap keperluan pelaksanaan kemudahan-kemudahan TM yang terkini seperti Jaring-Internet. Tidak ketinggalan ialah pandangan mereka terhadap prestasi pihak pengurusan perpustakaan dalam soal pembentukan sebuah perpustakaan elektronik ala " the intelligence library ". Bagi mencapai objektif kajian , kaedah soal selidik melalui persampelan secara rawak berlapis digunakan. Data-data yang diperolehi dianalisis melalui pakej SPSS untuk ujian kekerapan dan ujian perhubungan. Hasil-hasil kajian menunjukkan pengguna-pengguna PNS(KK) memerlukan kemudahan-kemudahan TM yang sedia-ada sehingga yang terkini seperti Internet yang boleh menghubungkan mereka kepada Rangkaian Lebuhraya Sedunia.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Dunia hari ini disifatkan sebagai Era Maklumat kerana yang menjadi asas utama kekuatan serta kemajuan sesebuah negara ialah MAKLUMAT. Ini adalah kerana kepantasan berlakunya sesuatu perubahan dalam apa jua bidang, baik politik, ekonomi maupun teknologi. Sebagai contoh lihat sahaja bagaimana dunia barat dapat menguasai dunia politik dan budaya semata-mata kerana kekuatan mereka dalam dunia media cetakan dan elektronik. Oleh kerana sifat dunia yang begitu berlainan sekali dengan apa yang wujud pada zaman pra - Era Maklumat, maka ramai tokoh futuristik menganggap zaman masa kini sebagai zaman pos-industri ataupun pos-kapitalis.

Kebenaran ramalan tokoh-tokoh futuristik yang membayangkan tentang kewujudan "perkampungan global" iaitu sebuah "perkampungan maklumat" ("information village") tidaklah keterlaluan kerana pada masa kini pun sudah jelas peranan strategik teknologi maklumat (TM). Kejadian

keruntuhan tembok Berlin serta bibit-bibit kehancuran ideologi/blok komunisme dikatakan berpunca dari "gelombang ketiga" kerana sebelumnya ia begitu kebal. Ini menunjukkan bahawa malumat amat berpengaruh sekali, telah dan akan mencorakkan seluruh gaya kehidupan kita dalam abad ke 21. Lihat sahaja bagaimana agensi-agensi dan syarikat-syarikat Amerika seperti IBM, Intel, Hewlett Packard, Microsoft, Boeing, McDonnell-Douglas, Apple-Macintosh, CNN, Reuter, NASA, malah syarikat KFC, Coca-Cola dan McDonald dapat menguasai pasaran (pemikiran) dunia.

Pihak bersekutu Amerika dapat menewaskan Iraq kerana telah menggunakan segala penguasaan mereka dalam bidang komunikasi satelit angkasa sehingga membolehkan pengesanan segala rahsia musuh dan dapat menyerang dengan berkesan sekali. Dalam kes keganasan Serbia terhadap Bosnia-Herzegovina, peranan media menyebabkan pihak yang dizalimi tidak dapat simpati dan sokongan manakala pihak yang bersalah pula tidak dikenakan hukuman. Begitu jua agama Islam sentiasa dibandingkan sebagai agama menggalakkan keganasan serta pengikutnya sebagai pelampau yang mengancam keselamatan dunia. Begitulah kisah ringkas sebagai mukadimah kepada senario Era Teknologi Maklumat.

Alvin Toffler pula mengibaratkan perubahan-perubahan yang begitu menakjubkan sebagai Gelombang ketiga atau "The

Third Wave" kerana berlakunya perubahan struktural secara besar-besaran. Sebagai contoh ialah perubahan dalam dunia teknologi maklumat (TM) atau ringkasan Inggerisnya, IT ("Information Technology") di mana kemajuan dalam bidang komputer serta telekomunikasi adalah begitu canggih hingga timbul jargon baru yang disebut sebagai "cyberspace" kerana pusat aktiviti maklumat kini berada di ruang angkasa raya melalui satelit telekomunikasi hingga boleh terbinanya suatu rangkaian antarabangsa yang dikenali sebagai INTERNET ("International Network").¹

Oleh itu dunia kini tidak lagi terikat dengan konsepsi tradisional, contohnya istilah lebuh raya kini mengandungi dua makna kerana sudah wujud suatu lebuh raya tambahan - lebuh raya maklumat atau "The Super Information Highway". Tidakkah ini menunjukkan bahawa maklumat amat berpengaruh sekali sebagaimana dunia pernah berubah ketika munculnya lebuh raya bersama kenderaan bermotor. Perkara ini amat disedari oleh kuasa dunia uni-polar, Amerika Syarikat yang telah menggunakan segala kekuatan ekonomi

¹ Mengikut Hoffman, E.K., Internet "can be thought about in relation to its common protocols, as a physical collection of routers and as a set of shared resources, or even as an attitude about interconnecting and intercommunication. it is a networks based on the TCP/IP protocols, a community of people who use and develop these networks. That is a collection of resources that can be reached from those networks." [Hoffman, E.K.(1993), Merit Networks, Inc., INTERNET]